

Nama ..... Kuck Swee, Nien ..... Tingkatan ..... 5P  
Sekolah ..... SMJK Chung Hua .....

**MODUL PINTAS 2019**  
**TINGKATAN 5**

**1103/2**

**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 2**  
**Ogos/September**

2  $\frac{1}{2}$  jam

**Dua jam tiga puluh minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **persediaan-persediaan asas menjadi usahawan berjaya dan kesannya**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Berdasarkan premis bahawa keusahawanan boleh dipelajari dan diamalkan untuk menempa kejayaan, maka terdapat beberapa keperluan asas yang harus dipupuk. Sememangnya idea perniagaan yang bernas menjadi titik permulaan tetapi hal ini tidak mencukupi untuk memastikan kejayaan yang berterusan. Penyelidikan yang diusahakan oleh *Target Training International* telah membuat kaji selidik terhadap 17 ribu usahawan yang berjaya. Beberapa dapatan hasil kaji selidik tersebut mendapati mereka yang telah berjaya menjadi usahawan terkemuka mempunyai personaliti seperti berkebolehan untuk memberikan keyakinan dan bertanggungjawab terhadap masyarakat. Selain itu, sifat kepimpinan yang berkesan dan kebolehan berkomunikasi yang baik. Keperluan utama yang dapat memastikan sesuatu kejayaan ialah seseorang usahawan tersebut perlu menetapkan jangkaan yang realistik. Keterujaan dan keyakinan amat diperlukan bagi merancang pelan perniagaan yang harus berdasarkan realiti yang terdapat dalam pasaran.

Seseorang usahawan juga perlu memberikan nilai tawaran yang jelas iaitu produk dan perkhidmatan yang ditawarkan harus mempunyai nilai yang sebenar. Jika tawaran nilai tidak jelas, berkemungkinan perniagaan itu menemui kegagalan. Selain itu, para usahawan perlu menawarkan produk yang unik kerana hal ini membezakan produk yang dihasilkan dengan pesaing-pesaing dalam perniagaan. Mereka yang telah berjaya biasanya juga mampu menyediakan produk atau perkhidmatan yang memberikan nilai yang terbaik kepada orang ramai. Malah para usahawan yang telah berjaya juga berani meneroka pasaran yang berskala besar. Contohnya seperti Dato' Aliff Syukri yang mengusahakan produk D' Herbs, yang perniagaannya semakin berkembang maju. Selain mengusahakan produk yang bersifat monopoli dan sukar diperoleh, usahawan juga perlu membentuk pelan perniagaan yang berdaya maju. Dengan adanya pelan perniagaan, usahawan dapat memasarkan produk dan perkhidmatannya dalam tempoh yang panjang kepada pelanggan yang disasarkan dengan belanjawan yang berpatutan. Pelanggan merupakan nyawa kepada sesebuah perniagaan. Usahawan yang bijak biasanya dapat menarik pelanggannya secara berkesan. Hal ini bergantung kepada keberkesanannya dari segi kos dan jumlah pelanggan yang berupaya ditarik. Penggunaan media sosial untuk tujuan pengiklanan dan promosi, perbincangan tentang jenama, ulasan dan maklum balas tentang sesuatu produk merupakan cara yang berkesan.

Setiap individu berpeluang mengecapi kejayaan sebagai seorang usahawan kerana ciri-ciri keusahawanan yang ada pada kebanyakan usahawan bukanlah dilahirkan secara semula jadi tetapi adalah disebabkan daya inisiatif yang tinggi serta keyakinan yang kuat terhadap kemampuan diri sendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Keperluan Asas Menjadi Usahawan Berjaya'  
oleh Rahim Aziz,  
*Dewan Ekonomi*, April 2016.

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *berdasarkan realiti* berdasarkan petikan. [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa hasil kaji selidik tentang personaliti usahawan terkemuka.  
Senaraikan hasil kaji selidik tersebut. [3 markah]
- (iii) Di Malaysia, keusahawanan dalam bidang pertanian kurang mendapat tempat dalam kalangan usahawan muda.  
Pada pendapat anda, bagaimanakah bidang ini boleh menarik usahawan muda untuk menceburi bidang tersebut? [4 markah]

### Soalan 2(b) - Petikan Prosa Modern

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sejak dahulu, dia sering mendengar pidato, “Tuan-tuan dan puan-puan, sebahagian besar bahan makanan rakyat kita ialah bahan makanan yang diimport, sedangkan kita ada ratusan ribu ekar tanah yang terbiar kosong dan tidak produktif. Mengapakah kita bergantung pada beras, ikan, daging, ayam dan sayur-sayuran import? Keadaan ini akan membahayakan kita kalau terjadi sesuatu bencana. Kerajaan mengutamakan bidang pengeluaran makanan kerana ini soal keselamatan negara.”

Pemimpin tertinggi sendiri pernah berkata, “Rakyat mesti membuka mata dan melihat potensi yang ada dalam bidang pertanian. Saya menyeru kepada rakyat sekalian agar merebut peluang ini, terutama ribuan siswazah Melayu yang masih menganggur. Kerajaan menyediakan banyak peluang terutama kepada keistimewaan dalam Dasar Ekonomi Baru. Ada pelbagai bantuan dan skim pembiayaan untuk projek pertanian yang dikendalikan oleh sebuah bank khusus. Nah, semuanya ada di hadapan anda! Yang diperlukan sekarang ialah kesanggupan anda untuk bekerja kuat. Ingat slogan ini “Pertanian adalah Perniagaan”.

Hakim telah mendengar dengan penuh minat. Segala kata itu membakar semangatnya untuk memajukan tanah yang ditebusnya.

Dipetik daripada cerpen ‘Kaduk, Ayam dan Raja’  
oleh Zurinah Hassan  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Mengapakah rakyat di negara ini akan berada dalam keadaan yang membahayakan sekiranya berlaku sesuatu bencana? [2 markah]
- (ii) Sektor pertanian merupakan nadi terpenting dalam membangunkan ekonomi negara. Berikan saranan anda tentang usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk merancakkan lagi industri pertanian di negara ini. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

### Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syahadan, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besar besarnya: pertama, Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, ada tiga orang yang bijaksana; di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kanayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja; dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.

Hatta, berapa lamanya maka datang pula orang Siam menyerang Melaka; Awi Dicu nama panglimanya. Maka kedengaran khabarnya ke Melaka; maka dipersembahkan orang kepada Sultan. Maka baginda pun menitahkan Bendahara Paduka Raja berlengkap akan mengeluari orang Siam. Seri Bija Diraja dan segala hulubalang segala hulubalang sekaliannya dititahkan baginda mengiringkan Bendahara Paduka Raja itu. Adapun Seri Bija Diraja itu sedia asal Melayu, Tun Hamzah namanya, asalnya daripada Muntah Lembu; ialah dipanggil orang Datuk Bongkok. Apabila berjalan atau duduk, bongkok ia. Oleh sebab sangat gagah berani ia menjadi hulubalang besar, duduk di atas segala hulubalang. Telah sudah lengkap, maka Bendahara Paduka Raja pun pergilah mengeluari Siam itu, bersama-sama dengan Seri Bija Diraja, dengan segala hulubalang banyak. Maka orang Siam pun hampir ke Batu Pahat.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berikan maksud *berlengkap akan mengeluari*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan Sultan Melaka setelah menerima perkhabaran bahawa orang Siam akan datang untuk menyerang Melaka? [3 markah]
- (iii) Selain mempunyai raja yang berwibawa, Melaka juga digambarkan memiliki seorang pemimpin yang hebat seperti Bendahara Paduka Raja.  
Apakah ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin yang ideal? [3 markah]

## Soalan 2 (d) – Puisi Moden

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### SEJADAH RINDU

Terkedu aku  
di sejadah rindu  
mengungkap kalimah syahdu  
bait bicara tersentuh kalbu  
merekah keinsafan di hati yang beku  
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan  
kupohon kembali nafas kehidupan  
dalam keterhadan dan keterbatasan insan  
moga terbuka ruang keampunan  
sebelum saat aku dinisankan  
di masa yang Kautetapkan.

Air mata menjadi saksi  
keikhlasan menjadi bukti  
akhirnya  
aku sujud menghadap Ilahi  
di keheningan yang sepi  
lafaz taubat mengiringi  
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh  
jiwa yang kaku tersentuh  
ayat-ayat cinta disusun kukuh  
di sejadah rindu yang lusuh  
kemaafan yang kupohon sungguh  
dari Pencipta dalam gemuruh

Ungkapan doa pada Yang Esa  
izinkan aku menjadi manusia  
yang taat sentiasa  
pada perintah Maha Kuasa  
agar aku tidak lupa  
dunia ini hanya bersifat sementara.

**Mohd Haikal Aminuddin**  
*Antologi Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah doa yang dimohon penyajak daripada Yang Esa? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan oleh mereka yang telah insaf dan bertaubat?  
Cadangkan cara-cara tersebut. [3 markah]
- (iii) Tema ialah idea dasar dalam sesebuah karya.  
Huraikan tema yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Ketuhan dan ketaraan kepada ajaran agama.

- mengikuti kesedaran nya / belajar dan menghina
- mendekati diri dengan Tuhan dengan menaruh diri dengan ajaran agama
- memohon pengampunan
- kejayaan

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis dua ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) rasmi
- (ii) jarang
- (iii) maksimum

[6 markah]

- (b) Tulis petikan di bawah ini dalam bentuk cakap ajuk. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan ini.

Liyana memberitahu Habibah bahawa dia bercadang untuk mengikuti kursus koperasi yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Habibah menyokong hasrat Liyana itu. Seterusnya, Habibah menyatakan bahawa Liyana akan dapat mempelajari ilmu perakaunan dalam kursus itu. Liyana bercita-cita untuk menjadi akauntan terkenal dan bekerja di Bank Negara pada suatu hari nanti. Habibah menyatakan perasaan bangganya bahawa Liyana mampu untuk mencapai hasratnya dan sentiasa mendoakan kejayaannya. Liyana mengucapkan terima kasih kepada Habibah.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Para peserta kursus diminta membawa pengcaj komputer bimbit untuk mengelakkan pelbagai masaalah.
- (ii) Pameran kesihatan memberikan peluang kepada orang ramai untuk membuat peperiksaan tekanan darah, paras gula dalam darah dan tahap kolestrol mereka secara percuma.
- (iii) Untuk mengelakkan roda basikal adik berkarat dan rosak, ayah mensemburkan bahan anti-karat.

[6 markah]



- (d) Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **tiga kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan dari segi tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Pada masa ini, banyak forum, artikel dan pihak tertentu yang membincangkan peranan institusi pendidikan tinggi yang boleh bertindak sebagai medan kepada menghasilkan pelajar yang boleh menyumbang kepada kemajuan sesebuah negara. Walau bagaimanapun, ketika pemerhatian diberikan daripada peranan universiti dalam usaha menghasilkan insan bermodal yang berkualiti, peratusan pengangguran di kalangan siswazah di Malaysia terus menjadi isu yang hangat diperkatakan.

[6 markah]

- (e) Baca dialog di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

am dan ibny

- Kamariah : Kita mestilah berikhtiar untuk menyelamatkan rakan-rakan kita yang tersesat di dalam hutan itu.
- Narimah : Saya setuju. Seboleh-bolehnya, kita wajarlah memberitahu pihak sekolah dan polis tentang rakan-rakan kita itu.
- Hasnah : Semua pihak, sama ada guru, ibu bapa dan rakan-rakan kita hendaklah bekerjasama dan bantu-membantu untuk mencari rakan-rakan kita itu.
- Kamariah : Sudah tentulah Hasnah, sekarang ini semua pihak sedang bermesyuarat untuk menyelesaikan masalah ini dengan segera.
- Narimah : Namun, buat masa sekarang ini, pihak polis dan pasukan keselamatan sedang menjalankan operasi menyelamatkan dengan segera sebelum hari menjelang malam.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
  - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
  - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
  - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
  - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
  - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
  - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
  - (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **teknik pemerian** yang terdapat dalam setiap novel. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**